

26 MAY 2000

Rencana-Makanan

MALAYSIA MAMPU MENJADI PEMBEKAL UTAMA BARANG MAKANAN DUNIA

Oleh: Isabella Hiew

KUALA LUMPUR: Nampaknya segala-gala telah tersedia bagi Malaysia untuk menghasilkan lebih banyak barangan makanan, dan sektor swasta sewajarnya mengambil peluang itu untuk mempelopori usaha tersebut.

Malah, para pakar kini mula melihat lebih jauh dan nampaknya menjadi kian ghairah dengan adanya prospek memasarkan barangan makanan itu ke luar negara.

Menurut mereka, bila orang berfikir tentang Malaysia, imej menara kembar Petronas, hutan tropika, pasir pantai dan ladang kelapa sawit pasti akan terlintas di kepala mereka.

Semua "khazanah" itu tidak seharusnya dihadkan sebagai bahan kebanggaan negara semata-mata kerana ia sepatutnya boleh memainkan peranan besar membantu menjual barangan buatan Malaysia ke pasaran luar.

Imej khazanah-khazanah itu pasti boleh memberi kesan yang besar kepada usaha memasarkan barangan Malaysia jika ia dijadikan tanda niaga atau jenama kepada barangan itu.

Brazil yang terkenal sebagai bumi bolasepak, pusat pesta dan pengeluar kofi telah mempergunakan sepenuhnya "khazanah" yang dimiliki itu ketika melancarkan projek "Cafes de Brasil" baru-baru ini. Projek itu bertujuan mempromosikan budaya kofi negara itu di setiap kafeteria di seluruh dunia.

#### MEMBERI JENAMA BAGI TUJUAN PEMASARAN

Memandangkan pertanian mendapat perhatian utama dalam wawasan pembangunan Malaysia pada masa depan, barangan pertanian negara untuk dieksport sewajarnya diberi jenama yang melambangkan "khazanah" yang ada, di samping kaedah pembungkusan yang dapat menarik minat sasaran.

Dr Abdul Aziz Abdul Rahman daripada Fakulti Ekonomi dan Pengurusan Universiti Putra Malaysia (UPM) berkata, potensi Malaysia dalam pengeluaran barang makanan amat besar sekali dan sewajarnya diekspolitasikan sepenuhnya.

Beliau bersetuju bahawa memberi jenama yang menarik adalah salah satu cara mendapat pasaran bagi barangan itu, tetapi pengeluar mestilah terlebih dahulu memahami pasaran, iaitu mengenal pastinya, mengkaji keutamaan pengguna dan meningkatkan mutu pembungkusan.

Pengguna di negara-negara maju sangat memilih, mengutamakan kualiti serta kebersihan.

"Barangan yang memenuhi ciri-ciri itu boleh mendapat harga yang baik di pasaran maju di Eropah," kata Abdul Aziz.

#### JALINAN DENGAN SYARIKAT-SYARIKAT MULTI-NATIONAL

Menurutnya, untuk bersaing sama dalam dunia pengeluaran makanan berasas pertanian yang penuh perlumbaan itu, negara ini tidak boleh bergantung kepada pertubuhan-pertubuhan peladang atau agensi kerajaan semata-mata, tetapi hendaklah menjalin hubungan dengan agensi-agensi atau syarikat swasta yang besar.

Menteri Pertanian Datuk Effendi Nawawi memahami soal itu dan pada satu seminar baru-baru ini, beliau menegaskan "langkah ke arah itu ialah dengan mengadakan kerjasama di antara orang ramai dan sektor swasta".

Seminar itu telah mendorong minat yang tinggi terhadap pertanian dan syarikat-syarikat multi-national telah digesa supaya mengambil bahagian secara aktif. Bagaimanapun, segala-galanya bergantung kepada kewujudan insentif.

Abdul Aziz berkata, terlebih dahulu mestilah ada suatu persekitaran yang sesuai untuk menceburi perniagaan pertanian seperti mengurangkan birokrasi dalam soal pemilikan tanah serta penyediaan sokongan infrastruktur dan modal.

Dekan Fakulti Pertanian UPM Prof Mohamed Yusof Hussein berkata, fokus negara janganlah terhad kepada penanaman getah dan kelapa sawit semata-mata.

"Kita juga hendaklah memberi perhatian kepada tanaman-tanaman lain seperti jagung dan ubi kayu, selain buah-buahan dan sayur-sayuran," katanya.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sedar hakikat itu apabila beliau berkata pada seminar yang sama bahawa banyak syarikat yang menceburi bidang pertanian lebih suka memberi tumpuan kepada penanaman getah dan kelapa sawit sahaja.

Malaysia perlu memupuk kemahiran dan kepakaran dalam bidang pertanian bersepadu dan penggiliran jenis tanaman bagi membolehkannya menghasilkan barang makanan untuk pasaran dalam dan luar negeri, ujar Dr Mahathir.

Beliau juga mengesyorkan penglibatan dalam bidang ternakan ikan air tawar dan air masin serta mengenal pasti kawasan yang sesuai untuk ternakan ikan dalam sangkar.

Selain ikan, potensi besar juga terdapat pada ternakan udang, kerang, tiram dan sebagainya, kata Abdul Aziz.

#### POTENSI PENGHASILAN MINUMAN RINGAN

Beliau juga nampak pasaran yang luas bagi eksport minuman ringan dan yang berasaskan tanaman tropika seperti teh dan kopi ke negara-negara Eropah, Amerika dan Jepun.

Herba seperti "Tongkat Ali" yang mengandungi nilai perubatan dan pelbagai rempah ratus tempatan boleh dijadikan ramuan kepada minuman itu bagi memenuhi citarasa sesetengah pengguna yang inginkan kelainan daripada segi barangan dan selera.

Sebuah ladang teh terkemuka telah mengorak langkah ke arah itu dengan memasarkan teh berperisa buah-buahan di bawah jenama Seri Songket, sempena kemasyhuran kain songket yang sememangnya sinonim dengan Malaysia.

Menurut Abdul Aziz, industri ternakan boleh mendatangkan keuntungan besar kerana negara ini menghasilkan makanan ternakannya sendiri, termasuk daripada isirong kelapa sawit. Hampas nenas dan jerami padi juga sesuai dijadikan makanan ternakan bagi menggantikan makanan haiwan import yang mahal harganya.

Katanya, sistem "alternatif" atau penternakan dalam persekitaran yang terkawal memang sesuai kerana ia tidak memerlukan padang ragut.

Permintaan kepada barang makanan tradisional dan etnik sentiasa ada. Makanan segera seperti nasi lemak, nasi kandar, sate dan yong tau fu pasti mendapat sambutan baik rakyat Malaysia atau kumpulan etnik yang mempunyai persamaan selera yang tinggal di luar negara.

"Teh tarik" dalam tin atau kotak pasti mendapat sambutan di kalangan rakyat Malaysia yang berada di negara-negara lain.

#### PENTINGNYA PENGKHUSUSAN

Kata Abdul Aziz seterusnya, satu pasaran yang paling pesat berkembang sekarang ialah bahan makanan "halal".

Negara Islam dan bukan Islam sangat berminat dengan makanan seumpama itu kerana kaedah penyembelihan dan pemrosesannya adalah bersih, katanya.

"Pasaran makanan 'halal' di seluruh dunia sekarang bernilai kira-kira US\$20 bilion, tetapi malangnya Malaysia belum lagi merupakan salah satu pemain pentingnya," katanya.

Menurutnya, pengeluaran barang makanan berasaskan pertanian yang ingin

menyertai saingan itu mestilah mempunyai pengkhususan tertentu.

Mereka mestilah menghadkan barangan pengeluaran mereka kepada barangan yang mempunyai daya saing di pasaran dunia.

"Pada masa yang sama, terdapat keperluan untuk mengantarabangsakan barangan kita dengan suatu jenama yang ada hubung kait dengan negara seperti "sunkist" dan "buah Kiwi" diketengahkan oleh Amerika dan New Zealand. Kita mempunyai pelbagai jenis buah-buahan tropika yang belum dijenamakan," ujar beliau.

Menurutnya, Malaysia bukan tidak boleh melakukan itu semua kerana negara ini sebenarnya mempunyai nama-nama terkenal di peringkat antarabangsa seperti "Selangor Pewter", yang masyhur dengan keindahan rekabentuk dan kehalusan seninya.

#### SOKONGAN SAINTIFIK

Dalam hubungan itu, kata Abdul Aziz, Malaysia mestilah menyesuaikan dirinya untuk mencapai hala tuju yang betul, kerana jika itu gagal dilakukan, "kita akan terus ketinggalan tanpa peluang untuk menembusi pasaran luar."

Berbanding dengan negara-negara lain, Malaysia sebenarnya mempunyai kedudukan yang lebih baik dalam usaha memasarkan hasil pertaniannya.

"Kita mempunyai asas penyelidikan dan pembangunan yang kukuh, dengan adanya agensi-agensi tertentu seperti MARDI, PORIM, RRI dan beberapa buah universiti.

"Agensi-agensi itu sememangnya berperanan menyediakan sokongan saintifik bagi mewujudkan satu piawai antarabangsa bagi barangan yang kita hasilkan," katanya.

Abdul Aziz berpendapat negara ini juga mempunyai satu struktur perdagangan yang agak mantap. Dengan pembabitan banyak syarikat dalam bidang pengeksporan bahan pertanian, Malaysia mempunyai keupayaan untuk menerokai pasaran makanan dunia jika mempunyai jalinan perniagaan dengan syarikat-syarikat multi-national, katanya.

Dengan komitmen dan sokongan kerajaan, tidak mustahil negara ini akan muncul sebagai pembekal barang makanan yang unggul suatu hari kelak.

-- Bernama

IH KGO AM